

Berekonomi dalam Kehidupan

Daripada Ibn Umar R.Anhuma, Rasulullah SAW bersabda:

الإِقْتَصَادُ فِي النَّفَقَةِ نِصْفُ الْمَعِيشَةِ، وَالْتَّوَدُّدُ إِلَى النَّاسِ نِصْفُ الْعَقْلِ، وَحُسْنُ السُّؤَالِ نِصْفُ الْعِلْمِ.

Maksudnya: “Berekonomi dalam perbelanjaan adalah separuh kehidupan dan perasaan kasih sayang sesama manusia adalah separuh akal, dan persoalan yang baik adalah separuh ilmu.”


Riwayat al-Baihaqi dalam *Makarim al-Akhlaq* (140), dalam *Syu'ab al-Iman* (5/254-255). Al-Baihaqi menyatakan bahawa sanad hadis ini daif.

Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Hadis ini menggesa umat Islam supaya berekonomi dalam kehidupan kerana ia melambangkan kecerdikan dalam urusan harta benda dan terjerumus ke lembah kefakiran dan kedaifan, justeru dapat meningkatkan pembangunan daripada keadaan kurang baik kepada keadaan yang lebih baik. Ianya adalah satu sunnah Allah SWT atau *nature* yang telah ditentukan ke atas umat manusia.
2. Manusia mengalami perkembangan dari semasa ke semasa sesuai dengan kemajuan fikiran dan penemuan-penemuan baru. Oleh yang demikian ianya adalah suatu yang normal dan dibenarkan oleh Islam.

3. Walaupun begitu, Islam tidaklah menggalakkan pembangunan yang semata-mata bersifat kebendaan melulu tanpa disertai dengan pembangunan rohani dan keimanan.
4. Pembangunan rohani yang dimaksudkan ialah perubahan dari syirik kepada tauhid, daripada berpegang kepada nilai-nilai duniawi yang rendah kepada nilai-nilai ukhrawi yang tinggi.
5. Dalam usaha membangunkan masyarakat, aspek pembinaan moral dan akhlak hendaklah diambil kira. Ini adalah penting kerana pembangunan yang tidak diiringi oleh penjagaan moral dan akhlak akan menyebabkan masyarakat menjadi rosak seperti halnya di negara-negara membangun, jenayah meningkat seiring dengan peningkatan kemajuan. Pembangunan sedemikian adalah pembangunan yang pincang dan membawa derita kepada masyarakat. Apa yang dikehendaki oleh Islam ialah kesejahteraan dan kebahagiaan kepada masyarakat. Terdapat tiga soalan tentang hakikat bahagia:
 - i. Adakah anda menjangkakan bahawa anda akan mendapat ketenangan dan ketenteraman jika anda belum reda dengan Tuhan, dengan hukum-hukum, perbuatan-perbuatan, qadak dan qadar-Nya, dan belum reda dengan rezeki dan anugerah yang Allah berikan kepada anda?
 - ii. Adakah anda sudah mensyukuri semua nikmat, anugerah dan berbagai-bagai kebaikan yang diberikan hingga kini anda menuntut dan meminta yang lain? Orang yang tidak mampu mensyukuri sedikit maka dia tidak mampu untuk mensyukuri yang banyak.
 - iii. Mengapa kita tidak mengambil faedah dari apa yang Allah SWT anugerahkan kepada kita, supaya kita boleh mengembangkannya, membersihkannya dari semua kekejian dan kekotoran, dan selanjutnya kita dapat memberi manfaat, sumbangan dan pengaruh dalam hidup ini?
4. Sifat-sifat terpuji dan anugerah-anugerah yang mulia, sebenarnya ada di dalam akal dan jasad kita. Tetapi itu, bagi sesetengah kita, dilihat seperti barang galian yang mahal yang terkubur di dalam tanah, di dalam perut bumi yang hingga kini belum ditemukan orang yang boleh mengeluarkannya dari dalam bumi untuk dicuci dan dibersihkan supaya menjadi cemerlang dan berkilau.



Mutiara Hikmah



- ❖ **Pujangga berkata:** Hiduplah bersederhana dan jauhilah semua bentuk berfoya-foya dan pemborosan kerana setiap kali badan diajak berfoya-foya, maka jiwa akan semakin sempit.
- ❖ **Ibrahim al-Khawwas berkata:** Ilmu berasal dari dua hikmah: Janganlah menyusahkan apa yang telah dicukupkan. Janganlah membazir apa yang kamu cukup.

Kisah Teladan



Charles Luckman, seorang usahawan yang bermula dari bawah dan selama dua puluh tahun berjuang untuk naik sedikit demi sedikit hingga menjadi Presiden Syarikat Pepsodent Company, menerima gaji beratus ribu dolar setahun. Di samping itu dia juga telah menghasilkan sejuta dolar. Ia mengatakan bahawa hampir tidak boleh dijumpai orang yang memiliki kedua kemampuan seperti yang disebutkan oleh Charles Luckman.

Charles Luckman berkata: Sejauh yang saya ingat, saya biasa bangun pukul lima pagi kerana pada waktu itu saya boleh berfikir dengan lebih baik, saya boleh merancang apa yang harus saya kerjakan hari itu. Merancangnya sesuai dengan kepentingannya. Mana yang paling penting harus dikerjakan lebih dahulu. Kemudian disusuli dengan yang penting dan begitulah seterusnya.

Frank Bettger, seorang jurujual insuran yang paling berjaya di Amerika, tidak menunggu hingga pukul lima pagi untuk merancang harinya. Ia telah merancangnya malam sebelumnya. Ia menentukan apa yang harus dicapai esok harinya. Ia menentukan seberapa banyak penjualan yang harus dibuatnya.

